



UPM lancar Bangi Green Putra untuk pupuk Pertanian Bandaran bersama komuniti >6

PP10540/10/2012 (031020)

## UPM is the Malaysian ASAIHL secretariat Host of 2016 ASAIHL Conference

By Khairul Anuar  
Muhamad Noh  
Photo Marina Ismail

SERDANG, April 30 - Universiti Putra Malaysia (UPM) was appointed as the secretariat of Association of Southeast Asian Institutions of Higher Learning (ASAIHL) Malaysia. The university was also appointed as the host for The ASAIHL 2016 Conference in its own campus.

"The decision of organizing the Conference was decided upon a meeting with all ASAIHL committee members from Malaysia which includes 18 institutions from both public and private universities", said the Vice Chancellor of UPM, Prof. Dato' Dr. Mohd. Fauzi Ramlan, who is also the President of ASAIHL.

"This first meeting in Malaysia is a very significant one as an initiative to strengthen Malaysia's contribution and participation in ASAIHL organization".

"We have also discussed the proposal to activate the Malaysian ASAIHL National Council," said Prof Dato' Dr. Mohd. Fauzi



> Turn page 2 Prof. Dato' Dr. Mohd. Fauzi Ramlan (centre) with all of the ASAIHL committee members from Malaysia.

### HIGHLIGHT



UPM lancar buku 'Kaedah Interpretasi dalam Pengajaran Pendidikan Alam Sekitar' >2



UPM cipta produk bakeri kekal sedap dan menarik gunakan gelombang ultrabunyi >4



UPM-HDC wujudkan peluang perdagangan di peringkat ASEAN dalam produk halal >5



Kebolehpasaran graduan UPM 82.2 peratus, tertinggi di kalangan IPT >3

## UPM ranks among top 200 World's best in 13 subjects

By Khairul Anuar Muhamad  
Noh  
Photo Marina Ismail

SERDANG - Universiti Putra Malaysia (UPM) strengthens its academic and research reputation when 13 of its subjects are enlisted as among the top 200 in the QS World University Rankings based on subjects in 2015.

Eighteen out of 21 subjects in UPM are listed in the top 350.

The ranking involves 36 subjects in five major fields - Art & Humanities, Engineering & Technology, Life Sciences & Medicine, Natural Sciences and Social Sciences & Management.

One of the 13 subjects, Agriculture & Forestry, has been listed in the top 100 in the ranking and this field remains in the top 100 for three consecutive years since 2013.

UPM Vice Chancellor, Prof. Dato' Dr. Mohd. Fauzi Ramlan



congratulates all the staff and students who are involved in the internationalization efforts for academic program, expertise, graduates' employability, and post graduates' endorsement in achieving the ranking.

"The effort must be strategically integrated through academic, students and resource development in ensuring UPM continue to be listed in the top ranking," he said.

The field that continues to maintain its position in the top 150 world's university as in 2014 is Engineering - Electrical, Engineering - Mechanical,

> Turn page 2



## UPM ranks 66th Asia's best university

By Abdullah Arshad

SERDANG, June 10 - For the seventh consecutive years, Universiti Putra Malaysia (UPM) joins the list of 100 Asia's best university in the QS Asian University Ranking (AUR) 2015 announced yesterday.

With the 66th ranking in Asia, UPM managed to improve its standing by scaling 10 levels from its previous 76th place in 2014.

The achievement placed UPM as one of the top universities among the country's five Research Universities and one of the ten top universities in Southeast Asia.

UPM Vice Chancellor, Prof. Dato' Dr. Mohd Fauzi Ramlan

congratulated all staff and students for their support towards UPM's success and hoped that they would continue their commitment to further highlight UPM's profile among the international institutions.

"Scaling up to 10 levels is a proud achievement for UPM because of the stiff competition from regional institutions.

"What is more important to UPM is to continuously improve its performance and strengthen its strategic cooperation with the industries, government and alumni, including international institutions to promote excellence in internalisation initiatives to raise the contribution of Malaysia's agenda and entering global competition," he said.

Prof. Dato' Dr. Mohd Fauzi added that UPM had improved its performance for eight of the nine indicators rated by QS Asia University Ranking 2015 and the overall score for UPM had increased by 6.2 to 63.4 compared to 57.2 in 2014, the highest among Research Universities in Malaysia.


In the ranking, UPM is placed 51st in Asia for Academic Reputation, 80th for Employer Reputation, 19th in International Faculty, 12th for International Students, 68th for Inbound and 62nd for Outbound Exchange Students.

Further information on the result of QS Asia University Ranking 2015 can be found by surfing <http://www.topuniversities.com>.





# Buku 'Kaedah Interpretasi dalam Pengajaran Pendidikan Alam Sekitar' dilancarkan



Oleh Noor Eszereen Juferi  
Foto Marina Ismail

SERDANG, 25 Februari - Fakulti Perhutanan, Universiti Putra Malaysia (UPM) telah melancarkan sebuah buku berkenaan penggunaan interpretasi sebagai kaedah pengajaran yang memfokuskan kepada pendidikan alam sekitar.

Buku yang ditulis oleh dua pensyarah fakulti itu, Prof. Madya Dr. Manohar Mariapan (foto) dan Dr Evelyn Lim Ai Lin itu ialah hasil penyelidikan 'Mengkaji Keberkesanan Program Pendidikan Alam Sekitar

dalam Mempengaruhi Hubungan Manusia-Hidupan Liar di Kalangan Murid-Murid Sekolah Menengah'.

Prof. Madya Dr. Manohar berkata kepada buku tersebut memberi pengenalan kepada penggunaan interpretasi sebagai alat komunikasi persuasif yang boleh digunakan dalam pengajaran pendidikan alam sekitar dan juga pelbagai subjek di sekolah.

"Model interpretasi EROT (enjoyable, relevant, organized dan thematic) digunakan dalam proses merancang serta mereka bentuk program pendidikan alam sekitar dalam mempengaruhi pelajar sekolah untuk

menyokong usaha konservasi haiwan-haiwan liar melalui penglibatan mereka sebagai penganjur program pendidikan alam sekitar berkenaan haiwan liar di sekolah," katanya.

Tambah beliau, teknik interpretasi merupakan satu kaedah pengajaran yang diamalkan dalam bidang rekreasi di kawasan semula jadi di negara-negara maju bagi mempengaruhi tingkah laku pelawat agar terlibat dalam usaha konservasi di kawasan semula jadi.



"Penerbitan buku ini merupakan usaha pertama untuk memperkenalkan penggunaan interpretasi sebagai satu kaedah pengajaran pendidikan alam sekitar di kalangan pendidik alam sekitar," katanya mengenai buku yang mendapat pingat emas dalam Pameran Rekacipta Penyelidikan Inovasi (PRPI) anjuran UPM pada tahun lalu.

Dr. Manohar berkata keunikan buku

tersebut turut menggunakan pengaruh emosi dalam proses pengajaran dan pembelajaran supaya penyampaian maklumat menjadi lebih bermakna dan relevan kepada pelajar.

"Kulit buku ini turut mempunyai elemen interpretasi penting dengan penggunaan keseluruhan deria penglihatan, pendengaran, hidu rasa dan sentuhan untuk memperkayakan pengalaman serta memastikan maklumat yang disampaikan mempunyai makna kepada audiens.

"Dalam konteks kulit buku ini, semua deria perlu digunakan untuk mengesan, mengecam dan memerhati mentadak ini bagi memahami dalam menentukan kelangsungan hidup mentadak serta keseimbangan ekologi habitatnya," katanya.

Rakannya, Dr. Evelyn Lim berkata beberapa siri eksperimen telah dilaksanakan di beberapa lokasi di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak pada tahun 2012 hingga 2014.

"Seramai 600 pelajar sekolah menengah telah menunjukkan penggunaan interpretasi proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih relevan kepada pelajar," katanya.

Buku itu diterbitkan untuk guru sekolah oleh Fakulti Perhutanan UPM dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia dan Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS).

Sementara itu, buku tersebut telah dilancarkan oleh Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Dasar dan Pembangunan Pendidikan), Kementerian Pendidikan Malaysia, Dato' Khairi Awang di Pusat Penyelidikan Perhutanan Sultan Idris Shah (SISFEC), UPM pada 14 Februari lalu.

## UPM ranks among top 200 World's best in 13 subjects

> From page 1

Aeronautical & Manufacturing and Engineering - Mechanical, Aeronautical & Manufacturing.

Another field that has maintained its position in the top 150 is Computer Sciences & Information Systems.

There are seven fields that have shown improvements in 2015 compared to the previous year, namely English Language & Literature, Modern Language, Chemical Engineering, Medicine, Material Sciences, Mathematics, and Accounting & Finance.

English Language & Literature and Material Sciences fields are not listed in 2015 and 2014 but managed to get into a position between 151 and 200 in 2015.

Chemical Engineering has improved to the position of 101-150 in 2015 from its previous position of 151-200 in 2013 and 2014, while the Education field is in the 151-200 position compared to its 100 standing in 2014.

There are six new subjects - Art & Design, Architecture, Dentistry, Veterinary Sciences, Business & Management, and Development Studies - evaluated in 2015.

The methodologies used are based on the academic and employer reputation's research. Meanwhile, QS is also using the data from Sciverse Scopus for citation per papers and H Index.

## UPM is the Malaysian ASAIHL secretariat Host of 2016 ASAIHL Conference

> From page 1

Ramlan during the meeting at Putra Canselor in UPM.

ASAIHL was established in 1956 and it is a non-government organization to reinforce the responsibility and participation of all universities in South East Asia.

ASAIHL has broadened its functions and roles to maintain its relevance according to the current scenario in global education. ASAIHL has 197 memberships which include 162 universities from Asia and 35 universities from Europe, Australia, New Zealand and United States.

This great development has helped ASAIHL to be the largest institute of higher learning organization in Asia and all over the globe.

# MGAP nobat 17 penerima Anugerah Fellowship Naib Canselor

Oleh Khairul Anuar Muhamad Noh

SERDANG, 14 Mei - Universiti Putra Malaysia (UPM) menobatkan seramai 16 ahli akademik dan seorang bukan akademik UPM dengan Anugerah Fellowship Naib Canselor dalam Majlis Gemilang Akademia Putra (MGAP) 2014 di sini yang disampaikan oleh Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, selaku Tuanku Canselor UPM baru-baru ini.

Mereka terdiri daripada empat pensyarah membabitkan kategori pengajaran, lapan pensyarah (penyelidikan dan inovasi), seorang pensyarah dan seorang bukan akademik (perkhidmatan profesional) dan tiga pensyarah (perundingan cemerlang).

### MAJLIS GEMILANG AKADEMIA PUTRA 2014

#### Anugerah Fellowship Naib Canselor - Pengajaran

Kategori dan Kluster	Pemenang dan Fakulti
Kategori Pengajar Cemerlang (Kluster Sains Tulen dan Kesihatan)	DR. CHEN HUI CHENG Fakulti Perubatan Veterinar
Kategori Pengajar Cemerlang (Kluster Sastera dan Sains Sosial serta Sains Sosial Gunaan)	DR. MASS HAREEZA ALI Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Kategori Pengajar Muda (Kluster Sains Tulen dan Kesihatan)	HAFANDI AHMAD (DR) Fakulti Perubatan Veterinar

Kategori Pengajar Muda (Kluster Sastera dan Sains Sosial serta Sastera Gunaan dan Sains Sosial Gunaan)	DR. GHAZALI BIN LATEH Fakulti Pengajaran Pendidikan
--	--

#### Anugerah Fellowship Naib Canselor - Penyelidikan Dan Inovasi

Kategori dan Kluster	Pemenang dan Fakulti
Kategori Penyelidik Cemerlang (Kluster Sains dan Teknologi)	PROFESOR DR. TAN CHIN PING Fakulti Sains dan Teknologi Makanan
Kategori Penyelidik Cemerlang (Kluster Sains Sosial)	PROFESOR MADYA DR. LAW SIONG HOOK Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Kategori Penyelidik Muda (Kluster Sains dan Teknologi)	DR. AMIMUL AHSAN Fakulti Kejuruteraan
Kategori Inovasi dan Pengkomersilan Produk	PROFESOR DR. MAZNAH ISMAIL Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
Kategori Penerbitan Makalah Jurnal (Kluster Sains dan Teknologi)	PROFESOR DR. AMIN ISMAIL Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
Kategori Penerbitan Makalah Jurnal (Kluster Sains Sosial)	PROFESOR MADYA DR. MANSOR ABU TALIB Fakulti Ekologi Manusia
Kategori Penerbitan Buku	PROFESOR DR. MOHAMED ARIF SYED MOHAMED Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Kategori Seni dan Kreativiti	PROFESOR MADYA DR. NAZLINA SHAARI Fakulti Rekabentuk dan Senibina



Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah (tengah), selaku Canselor UPM hadir mencemar duli bagi menyampaikan anugerah tersebut kepada semua ahli universiti yang cemerlang.

#### Anugerah Fellowship Naib Canselor - Perkhidmatan Profesional

Kategori dan Kluster	Pemenang dan Fakulti
Kategori Perkhidmatan Profesional (Kumpulan Pengurusan dan Profesional - Akademik)	PROFESOR DR. ABDUL JALIL NORDIN Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
Kategori Perkhidmatan Profesional (Kumpulan Pelaksana)	HAJI MUHAMAD SALLEH Taman Pertanian Universiti

#### Anugerah Fellowship Naib Canselor - Perunding Cemerlang

Kategori & Tempat	Pemenang dan Fakulti
Kategori Perunding Cemerlang (Tempat Pertama)	DR. HANINA HALIMATUSAADIAH HAMSAN Fakulti Ekologi Manusia
Kategori Perunding Cemerlang (Tempat Kedua)	PROFESOR MADYA DR. RUSMAWATI SAID Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Kategori Perunding Cemerlang (Tempat Ketiga)	PROFESOR DR. CHAN SWEE HENG Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi





## ASAIHL kukuh kerjasama universiti dunia

Oleh Azman Zakaria  
Foto Marina Ismail

ISFAHAN (IRAN), 23 Mei - Persatuan Institusi Pengajian Tinggi Asia Tenggara (ASAIHL) melaksanakan strategi 'lautan biru' bagi menggalak dan mengukuhkan kerjasama antara universiti-universiti seluruh dunia, kata Presiden Lembaga Pemegang Amanah ASAIHL, Prof. Dato' Dr Mohd Fauzi Ramlan.

Pelaksanaan strategi berkenaan adalah melalui perkongsian pengetahuan dan kepakaran di kalangan anggota, katanya pada sesi ke-59 persidangan ASAIHL 2015 di sini, 23 Mei lalu. Ia, yang dipetik agensi berita Iran, IRNA.

Pembangunan pengetahuan melalui kerjasama serantau dan antarabangsa adalah antara isu penting dalam pendidikan tinggi,

katanya sambil menambah kata bahawa, projek penyelidikan bersama kini sedang dijalankan.

Beliau berkata tema persidangan itu "Kerjasama serantau dan antarabangsa dalam penyelidikan, kurikulum dan pengalaman pelajar" menggambarkan mengenai pentingnya latihan secara global pada masa ini.

Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM) itu berkata kerjasama serantau dan antarabangsa boleh membantu menangani cabaran baharu dalam sistem pendidikan institusi pendidikan tinggi.

Beliau berkata satu daripada matlamat penting pendidikan tinggi adalah melahirkan insan seimbang, bermaklumat, bertanggungjawab, bersemangat tinggi, bijaksana serta berupaya membuat keputusan pengurusan.

Pelajar universiti pula katanya,

perlu sentiasa peka dengan setiap perkembangan, bermotivasi dan memiliki kemahiran insaniah (soft skills) untuk membolehkan mereka mengatasi masalah dihadapi.

Beliau juga berkata, latihan memberi kesan jangka panjang ke atas masyarakat dan negara-negara membangun melalui kualiti sumber manusianya, sambil menegaskan bahawa latihan tidak perlu menjadi satu proses cuba jaya (*trial and error*), tetapi perlu mengambil kira kualiti dan memperkasakan sumber manusia itu sendiri.

Sebanyak 197 universiti anggota ASAIHL, kira-kira 100 naib rektor dan wakil diplomatik beberapa negara menghadiri persidangan tiga hari itu yang bertemakan "Menjelang 2020: Kerjasama Serantau dan Antarabangsa Dalam Penyelidikan, Kurikulum dan Pengalaman Pelajar."

## Teknologi kosmesutikal berasas buah naga pertama di Malaysia

Oleh Hafiza Hussin  
Foto Marina Ismail

SERDANG - Penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Siti Salwa Abd. Gani menghasilkan produk kosmesutikal iaitu Naga Essence yang pertama di Malaysia yang berasaskan daripada buah naga.

Ketua penyelidik Dr. Siti Salwa daripada Pusat Asasi Sains Pertanian dan Jabatan Kimia, Fakulti Sains berkata produk itu berasaskan tumbuhan yang diformulasikan di dalam produk penjagaan kulit. Naga Essence boleh digunakan dalam pelbagai produk kosmetik dan farmasutikal. Ia juga boleh digunakan begitu sahaja ke atas kulit.

"Antara produk kosmesutikal yang berjaya dihasilkan menggunakan Naga Essence adalah krim anti penuaan, gincu pelembab, sabun, scrub badan dan cecair pencuci badan atau tangan," katanya.

Tambah beliau, produk ini boleh digunakan oleh individu yang menghadapi masalah kulit seperti kekeringan dan kedutan kerana ia dapat melembapkan kulit, menghalang pembentukan radikal bebas, menghalang penembusan UVA dalam kulit serta melambatkan pembentukan kedutan.

"Ini sangat ideal untuk produk kosmesutikal kerana komposisinya yang sangat baik seperti kandungan tinggi asid lemak poli tak tepu (asid linoleik dan asid linolenik) dan sebatian antioksidan (fenolik dan flavonoid)," katanya.

Dr. Siti Salwa berkata kebiasaannya buah naga atau nama saintifiknya *Hylocereus Polyrhizus* dan *Hylocereus Undatus* sering digunakan



dalam produk makanan kerana ia mempunyai kandungan dan bahan aktif antioksidan yang sangat tinggi yang dapat membantu menyihatkan tubuh badan.

"Semua produk yang dihasilkan menggunakan statistik Design of Expert dan dibangunkan di makmal menggunakan kaedah tenaga penyeragaman rendah dan tinggi. Selain baik untuk diaplikasikan di dalam bidang kosmesutikal, Naga Essence berpotensi di dalam bidang farmasutikal," ujar beliau.

Design of Expert terdiri daripada Response Surface Methodology, D-Optimal Mixture Design dan Artificial Neural Network software yang dapat menjimatkan masa, tenaga dan kos dalam membangunkan produk penyelidikan tersebut.

Beliau menjalankan penyelidikan itu sejak tahun 2011 dan sehingga kini masih meneruskannya bagi mencari penemuan baharu dengan dibantu oleh Prof. Dr. Mahiran Basri Dan Prof Madya Dr Rosnah Shamsudin. Penyelidikan ini juga dijalankan di Institut Penyelidikan Produk Halal, UPM.

Pelajar PhD, Hasmah Bidin, Pelajar Master Norsuhaili Kamairuddin, Suhana Mustafa dan pelajar Bachelior Nur Fareen Atila Hashim, Nur Amira Hanis Pilus, Syarifah Nurhafizah Lukman dan Khalijah Talha turut menayakan penyelidikan itu.

Maklumat lanjut hubungi Hafiza Hussin, HP: 012-6550933.

## Kebolehpasaran graduan UPM 82.2 peratus, tertinggi IPT

Oleh Azman Zakaria  
Foto Marina Ismail

SERDANG, 6 Mei - Kebolehpasaran graduan Universiti Putra Malaysia (UPM) menjangkau 82.2 peratus, iaitu yang tertinggi di kalangan institusi pengajian tinggi di negara ini.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPM, Prof. Dato' Dr. Mohammad Shatar Sabran berkata 82.2 peratus daripada graduan UPM memperoleh pekerjaan dalam tempoh tiga bulan selepas konvokesyen mereka.

Katanya, peratusan itu dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan baru-baru ini bagi tahun 2014.

"Angka itu bermaksud kualiti graduan UPM adalah membanggakan. Cuma kira-kira 18 peratus sahaja daripada mereka yang tidak mendapat pekerjaan dalam tempoh itu," katanya pada sidang media selepas merasmikan Expo Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan UPM 2015 (CEM Expo UPM 2015) di sini hari ini.

Untuk tahun 2015, beliau berkata UPM

meletakkan sasaran lebih tinggi iaitu 83 peratus kebolehpasaran graduan, iaitu bagi mereka yang akan menyertai Majlis Konvokesyen pada Oktober ini.

Katanya, antara sebab ada yang tidak memperoleh pekerjaan tiga bulan selepas menamatkan pengajian ialah ada yang memilih untuk tidak bekerja kerana gaji yang diterima tidak setimpal dengan kos yang perlu ditanggung seperti kos pengangkutan dan kos menghantar anak ke pusat penjagaan.

Menurutnya, ada pula yang terlalu memilih pekerjaan dengan mahukan kerja yang berkaitan dengan bidang akademik yang dipelajari sahaja.

Beliau juga berkata, kelayakan akademik bukan penentu dalam memperoleh pekerjaan kerana majikan akan juga mengambil kira faktor lain seperti kemahiran insaniah (soft skill).

Justeru katanya, CEM melaksanakan tanggungjawab membantu pelajar meningkatkan kemahiran dalam bidang keusahawanan, manakala Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar UPM mendedahkan pelajar yang bakal



menamatkan pengajian kepada program Keterampilan Graduan (Finishing School).

Lebih 60 syarikat menyertai CEM Expo UPM 2015 itu yang menawarkan kira-kira 3,000 peluang pekerjaan kepada bakal graduan. Bilangan syarikat yang menyertai expo itu meningkat daripada kira-kira 50 syarikat tahun lalu, dengan ada yang menyertainya untuk kali yang ketiga.

Expo bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar, terutama pelajar tahun akhir UPM untuk mendapatkan pekerjaan. UPM melahirkan antara 5,000 dan 6,000 pelajar setiap tahun.

Pada majlis itu, Prof. Dato' Dr. Mohammad Shatar turut melancarkan buku Bersama Membina Usahawan Siswa yang memuatkan butiran graduan UPM yang melibatkan diri dalam bidang keusahawanan serta latar

belakang syarikat dan perniagaan yang dijalankan.

Katanya, pada tahun lalu 52 graduan UPM melibatkan diri dalam keusahawanan, melebihi sasaran yang ditetapkan seramai 50 graduan, manakala untuk tahun ini UPM mensasarkan 60 graduan menceburi bidang itu. Setakat ini bagi tahun ini lebih 40 graduan sudah membabitkan diri dalam keusahawanan. - UPM





## Projek perintis tingkat daya ingatan pelajar guna Asid Lemak Omega-3

Oleh Azman Zakaria  
Foto Marina Ismail

SERDANG, 18 Mei (UPM) – Masalah lemah daya ingatan atau Alzheimer, tekanan, rasa cemas dan kemurungan boleh dikurangkan atau setidaknya dikawal dengan pengambilan diet Asid Lemak Omega-3.

Sehubungan itu, penyelidik yang juga Pensyarah Kanan, Neurofisiologi di Fakulti Perubatan Veterinar, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Hafandi Ahmad akan melaksanakan program perintis di negara ini dengan membekalkan Asid Lemak Omega-3 dalam bentuk kapsul kepada pelajar yang terpilih terutamanya yang lemah dalam pelajaran untuk diambil sebagai makanan tambahan.

Program itu ekoran penemuan daripada hasil kajian beliau terhadap haiwan makmal iaitu tikus dan mencit membabitkan tiga generasi haiwan itu yang mendapati Asid Lemak Omega-3 mampu meningkatkan daya ingatan, kecergasan serta

mengurangkan perasaan cemas dan bimbang.

Katanya, beliau sudah mengemukakan permohonan Skim Geran Program Pemindahan Teknologi Ilmu sebanyak RM120,000 kepada Kementerian Pendidikan untuk pelaksanaan program pendidikan mengenai Asid Lemak Omega-3 sebagai makanan tambahan bagi calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di beberapa sekolah di Putrajaya.

“Ini adalah projek perintis, yang pertama kita lakukan terhadap manusia di negara ini,” katanya dalam temubual.

Beliau melakukan kajian terhadap tikus dan mencit pada tahun 2008/2009 iaitu kajian pertama seumpamanya di dunia membabitkan tiga generasi haiwan berkenaan, dan mendapati Asid Lemak Omega-3 mampu mengubah generasi ketiga yang tidak menggunakan asid lemak itu sebagai diet.

“Kita meneliti DNA ekspresi otak haiwan terbahit... menariknya kita gunakan tiga generasi haiwan itu daripada ibu, anak hingga kepada cucu

haiwan itu dan kita kahwinkan antara yang sudah diberikan Asid Lemak Omega-3 dengan yang tidak diberikan asid lemak itu,”



katanya.

Pada tahun lalu, beliau dianugerahkan pembentangan lisan terbaik pada Persidangan Peringkat Kebangsaan Persatuan Neuro Sains Malaysia dalam pembentangan kertas kajian dalam bidang fisiologi haiwan makmal.

Dr Hafandi, juga memenangi Anugerah Fellowship Naib Canselor – Pengajaran kategori

Pengajar Muda pada Majlis Gemilang Akademia Putra 2014 UPM, yang disampaikan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah yang juga Canselor UPM, di universiti itu baru-baru ini.

Terkini, beliau sedang membuat penyelidikan menggunakan model haiwan baharu iaitu ikan zebra (Zebra fish) pada kaedah Y-maze dengan rawatan Asid Lemak Omega-3. Dari keputusan penyelidikan membuktikan ikan zebra dengan rawatan Omega-3 berenang lebih aktif dan kuat daya ingatan ketika menerokai Y-maze.

“Terbukti Asid Lemak Omega-3 mampu menguatkan daya ingatan dan mengurangkan tekanan, rasa cemas dan kemurungan kerana ia merupakan asid lemak tidak tepu yang melancarkan pengaliran darah dalam otak.

“Mereka yang mengambil Asid Lemak Omega-3, terutama yang aktif bersukan akan memperoleh sedikit kelebihan kerana lebih bertenaga manakala bagi pelajar pula daya ingatan akan meningkat,” katanya.



## Bakeri lazat dan menarik gunakan gelombang ultrabunyi

Oleh Norizahamalina Ramli  
Foto Noor Azreen Awang

SERDANG, 8 April – Penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) mencipta teknologi gelombang ultrabunyi yang mampu mengawal pengudaraan tekstur bakeri bagi memastikan rasa produk bakeri kekal sedap dan menarik.

Ketua penyelidiknya, Prof. Madya Ir. Dr. Chin Nyuk Ling dari Jabatan Kejuruteraan Proses dan Makanan, Fakulti Kejuruteraan berkata, teknologi Ultrasound Bath Aided Mixing System itu merupakan sistem pergaulan doh atau adunan berbantuan ultrabunyi untuk pemprosesan produk bakeri.

“Teknologi ini dapat mengawal serta mengolah tekstur dan kualiti keseluruhan produk dengan lebih bebas serta menjimatkan kos dengan penggunaan bahan ramuan yang membantu pengudaraan dalam produk bakeri,” katanya.

Beliau berkata, tenaga gelombang bunyi yang dihasilkan dapat meningkatkan ciri-ciri reologi, pengudaraan, tekstur dan menambah baik kualiti keseluruhan produk menerusi kaedah pemprosesan.

“Inovasi ini mampu

mengubah struktur pengudaraan produk yang dibakar, dapat menghasilkan kualiti yang lebih banyak serta tekstur yang baik dengan mengurangkan penggunaan bahan seperti emulsifier dan shortening dalam produk bakeri,” katanya.

Selain menjimatkan kos, kualiti serta tekstur produk yang dihasilkan dapat dipertingkatkan sehingga 30 peratus lebih baik berbanding produk sedia ada.

“Teknologi ultrabunyi ini juga menjadikan proses mengadun kek dan roti tanpa menggunakan bahan tambahan seperti serbuk penaik,” katanya.

Beliau yang menjalankan penyelidikan itu selama empat tahun dibantu oleh Prof. Madya Dr. Yus Aniza Yusof dari UPM, Dr. Tan Mei Ching dari UCSI University dan Dr. Nasrul Fikri Che Pa dari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Penyelidikan tersebut mendapat dana e-Sains daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) serta memenangi pingat perak di Malaysia Technology Expo (MTE) 2015 dan pingat gangsa di Pameran Reka cipta, Penyelidikan & Inovasi (PRPI) pada tahun 2011. – UPM

## Kandungan minyak kelapa sawit merah diproses jadi serbuk

Oleh Azman Zakaria  
Foto Noor Azreen Awang

SERDANG, 15 April – Kelapa sawit memang diketahui kaya dengan sumber Vitamin E dan karotena, namun persoalannya ialah sejauh mana kandungan itu dapat diproses, seterusnya ‘dilahirkan semula’ dalam bentuk yang mudah bagi dimanfaatkan serta digunakan dalam pemakanan dan kegunaan harian yang lain.

Minyak sawit, terutamanya minyak kelapa sawit merah atau red palm olein mengandungi Vitamin E dipanggil tocopherols iaitu tocopherols dan tocotrienols, serta karotenoids yang merupakan sumber penting untuk pemakanan yang sihat.

Minyak kelapa sawit merah

dilaporkan mengandungi antara 700-1,000 ppm tocopherols manakala 500-1,500 ppm karotenoids.

Bagaimanapun kandungan ini adalah dalam bentuk cecair iaitu minyak, sekali gus mengehadkan aplikasi serta penggunaannya. Memasaknya pada suhu yang tinggi pula boleh memusnahkan tocopherols, tocotrienols serta karotenoids.

Kajian oleh penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) terhadap minyak kelapa sawit merah berjaya merintis penemuan inovasi memproses kandungan itu, seterusnya mengubah bentuknya kepada serbuk melalui kaedah microencapsulation.

Pensyarah Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul, Prof Dr Lai Oi Ming yang menjalankan



kajian itu berkata penyelidikan berkenaan dilakukan bermula akhir tahun 2013 dan mengambil masa kira-kira satu setengah tahun.

“Apa yang unik ialah melalui teknologi ini, kita dapat menukar

vitamin berkenaan daripada bentuk minyak kepada ‘powder’.

“Juga, vitamin ini turut boleh digunakan dan dicampur kepada makanan yang dimasak walaupun pada suhu yang tinggi,” katanya.

Penyelidikan dijalankan

bersama dengan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB). Turut terbahit ialah pensyarah Fakulti Sains dan Teknologi Makanan, Prof Dr Tan Chin Ping; pelajar Lai Wee Ting; pegawai penyelidik, Dr Voon Phooi Tee; Ketua Kumpulan IC, Dr Lim Wen Huei; Ketua Unit Teknologi Protein dan Makanan, Dr Miskandar Mat Sahri; dan Dr Nicholas Khong Mun Hoe.

Selain dikekalkan dalam bentuk serbuk yang dibotolkan dan dalam bentuk uncang sachet, Prof Dr Lai berkata, ia juga dihasilkan dalam bentuk kapsul.

Kesemua produk itu menggunakan nama SuperCare dan permohonan untuk mempatenkannya sudah dikemukakan bagi pemilihan bersama UPM dan MPOB.

SuperCare mengandungi 800mg/kg tocopherols dan 600mg/kg karotenoids dan selain boleh bertindak sebagai pewarna asli, ia juga membekalkan Vitamin A dan E dalam makanan serta produk kosmetik.

“Produk ini mudah larut. Bagi yang tidak suka mengambilnya dalam bentuk kapsul, mereka boleh memasukkannya ke dalam minuman atau makanan. Ia tidak mengganggu atau menjejaskan rasa minuman dan makanan, tiada perbezaan pada rasa makanan itu,” katanya.

Beliau berkata, penemuan itu juga sudah diaplikasikan terhadap makanan berkenaan, yang diberi nama NutraMee, menjadikannya mee segera yang mengandungi agen antioksidan yang baik.



## UPM – HDC wujudkan peluang perdagangan produk halal di ASEAN



Oleh Khairul Ziana Kinainah  
Foto Marina Ismail

SERDANG, 18 Mac – Produk halal berpotensi tinggi di ASEAN kerana mempunyai lebih

300 juta penduduk Islam, dan dengan membangunkan World Halal Innohub akan membantu negara membangunkan lebih banyak produk halal menerusi inovasi penyelidikan.

UPM merupakan universiti pertama yang mewujudkan hab inovasi halal global, World Halal Innohub di Malaysia hasil kerjasama Halal Industry Development Cooperation Sdn. Bhd (HDC) membabitkan nilai pelaburan RM20 juta.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Hamim Samuri berkata, setakat ini terdapat 16 peserta terdiri daripada penyelidik, pakar UPM dan usahawan bagi usaha pengkomersialan produk.

“Malah inovasi serta kajian juga adalah salah satu rantaian penting di dalam produk halal kerana ia membabitkan

perakuan standard halal,” katanya pada majlis kerjasama UPM dan HDC di Panggung Percubaan UPM.

UPM mensasarkan 20 peserta dalam setahun yang menggunakan ruang inovasi berkenaan dan terdapat perintis terdiri daripada pelbagai sektor antaranya kesihatan dan teknologi maklumat.

Hadir sama pada majlis itu, Naib Canselor UPM, Prof. Dato’ Dr. Mohd Fauzi Haji Ramlan; Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Prof. Dato’ Dr. Mohd. Azmii Mohd Lila dan Ketua Pegawai Eksekutif HD, Datuk Seri Jamil Bidin. - UPM

## UPM – SUK Selangor undang generasi muda sertai Program Pengajian Diploma



Oleh Syifrida Muhamad Zaki  
Foto Noor Azreen Awang

SHAH ALAM, 6 Mac – Universiti Putra Malaysia (UPM) menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Selangor mengenai kerjasama program Diploma Belia Dalam Kerja Pembangunan Eksekutif (DBKP) ke arah melahirkan graduan yang berpengetahuan dalam bidang teras pembangunan belia.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Generasi Muda dan Sukan, Pembangunan Usahawan dan Kebudayaan Selangor, Tuan Amirudin Shari berkata program itu bertujuan meningkatkan tahap pendidikan dan melahirkan generasi muda Selangor yang mempunyai ilmu dan kefahaman dalam soal pembangunan belia.

“Program ini akan melatih peserta jadi proaktif merancang, melaksana dan menilai program pembangunan belia di peringkat komuniti,” katanya.

Seramai 35 pelajar kakitangan belia Selangor yang terpilih menerima sebanyak RM357,000 atau RM9,400 setiap seorang bagi enam semester pengajian bermula Februari lalu.

Penyerahan replika cek disampaikan oleh Amirudin kepada Naib Canselor UPM, Prof. Dato’ Dr. Mohd Fauzi Ramlan.

Kuliah secara eksekutif akan diadakan pada hujung minggu iaitu pada Sabtu dan Ahad dari 9 pagi hingga 5 petang di UPM.

Prof. Dato’ Dr. Mohd Fauzi pula berkata UPM merupakan satu-satunya universiti yang diberikan tanggungjawab oleh Sekretariat Komanwel yang beribu pejabat di London, United Kingdom untuk menawarkan program itu di rantau ASEAN.

“Penawaran program DBKP adalah sejajar dengan hasrat negara mencapai status negara maju menjelang tahun 2020.

“Antara jawatan yang boleh dipenuhi oleh graduan program ini meliputi semua peringkat dari Penolong Pegawai Belia, Pegawai Belia, Pegawai/Pengurus/Eksekutif Latihan Pembangunan Belia, Perancangan Sumber Manusia, Pegawai Tadbir dan Penyelidik dalam Pembangunan Belia.

Sebelumnya Kementerian hanya dapat menghantar pekerja belia daripada kerajaan dan Pertubuhan Bukan kerajaan (NGO) dalam kumpulan kecil bagi menyertai kursus diploma di Pusat Program Belia Komenwel (CYP) Asia di India.

Beliau menambah, Program DBKP itu bertujuan melahirkan graduan berpengetahuan dalam bidang teras Pembangunan Belia, latihan dan pembangunan, pembangunan organisasi dan pembangunan kerjaya dalam membangunkan belia secara optimum.

## Modul Pembangunan Pelajar Holistik bentuk sahsiah pelajar dilancarkan



Oleh Mohd Syarif Ahmad Jopri  
Foto Mohammad Izrul Abdul Jabar

SERDANG, 1 April – Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Universiti Putra Malaysia (UPM) melancarkan Modul Pembangunan Pelajar Holistik yang pertama bagi membantu membentuk sahsiah pelajar masa kini.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), UPM Prof. Dato’ Dr. Mohammad

Shatar Sabran berkata modul tersebut adalah cetusan idea bersama pengetua dan pengurusan kolej kediaman UPM.

“Terdapat empat modul yang dibangunkan iaitu pembangunan akademik dan sahsiah, kepimpinan mahasiswa, *community policing* dan jati diri yang kini diaplikasikan secara berperingkat di UPM.

“Modul ini berstruktur serta penggunaan modul itu boleh diaplikasikan oleh institusi pengajian tinggi awam (IPTA) sebagai garis panduan dalam

memperkukuhkan jati diri pelajar universiti ke arah kecemerlangan,” katanya.

Beliau berkata, modul ini adalah selaras dengan penggunaan semasa serta dilaksanakan secara praktikal untuk pelajar memahami dan menghayati pembangunan holistik serta kepentingannya kepada kerjaya masa depan.

“*Community Policing* merupakan pendekatan baharu diperkenalkan di sekitar kolej kediaman UPM melibatkan kerjasama pengurusan kolej kediaman UPM, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Bahagian Keselamatan UPM bagi menjaga aspek keselamatan dan keharmonian dalam kolej kediaman UPM,” katanya.

Modul pembangunan akademik dan sahsiah pelajar pula, berfokus kepada membantu pelajar terutamanya barisan pemimpin pelajar mencapai prestasi akademik yang cemerlang serta membentuk mahasiswa yang mempunyai sahsiah yang baik terutamanya semasa menjalankan tugas sebagai pemimpin pelajar.

Sementara itu modul kepimpinan mahasiswa pula adalah panduan komprehensif bagi memperkasa kepimpinan

dan keterampilan dengan membekalkan ilmu pengetahuan serta kemahiran untuk survival hidup dan perubahan mendasar untuk dikuasai oleh para pelajar.

Modul jati diri pula memberikan panduan komprehensif ke arah pemantapan jati diri dan nilai patriotisme pelajar bertujuan melahirkan graduan yang mempunyai semangat kenegaraan dan kreatif selaras dengan misi Kementerian Pendidikan untuk melestarikan sistem pendidikan yang berkualiti bagi membangunkan potensi individu bagi memenuhi aspirasi negara.

“Setiap modul mempunyai ciri-ciri yang tersendiri untuk melahirkan pelajar acuan yang sama iaitu cemerlang dari segi akademik dan ahlaknyanya. Kita mahu setiap pelajar bersedia dan dibekalkan ilmu pengetahuan serta kemahiran untuk berjaya dalam kehidupan,” kata Prof. Dato’ Mohammad Shatar.

Beliau berkata penghasilan modul itu akan memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat kearah melahirkan graduan yang cemerlang keseluruhannya berteraskan tiga hasrat utama iaitu *holistic*, *entrepreneurial* dan *balanced graduates*.

## UPM ke arah hasil komponen biokomposit kabin kapal terbang

Oleh Norizahamalina Ramli  
Foto Marina Ismail

SERDANG, 6 Mac – Universiti Putra Malaysia (UPM) menjalin kerjasama bersama Aerospace Malaysia Innovation Centre (AMIC), Malayan Adhesives and Chemicals Sdn.Bhd (MACSB) dan Cooperative Research Centre For Advance Composite Structures Ltd. Australia (CRC-ACS) untuk menjalankan penyelidikan projek bioresin iaitu pengganti plastik untuk digunakan

sebagai komponen biokomposit kabin kapal terbang.

Naib Canselor UPM, Prof. Dato’ Dr. Mohd Fauzi Ramlan berkata kerjasama antarabangsa itu dilihat sebagai elemen penting dalam pembangunan akademik universiti dan peningkatan prestij antarabangsa.

“Projek ini akan melibatkan penyelidik yang terdiri daripada pelajar siswazah UPM. Jangkaan untuk projek ini selesai adalah dalam masa tiga tahun dengan anggaran RM1 juta.

“Bioresin adalah produk

mesra alam yang tidak mudah terbakar dan cabaran penyelidikan ini adalah untuk mendapatkan bahan dalam komposisi yang tertentu supaya ianya setanding daripada segi kekuatan yang ada pada bahan yang digunakan pada masa kini,” katanya semasa majlis menandatangani memorandum persetujuan (MoA) dengan AMIC, MACSB dan CRC-ACS di sini.

Pada majlis itu, UPM diwakili Prof. Dato’ Dr. Mohd Fauzi; MACSB oleh Pengurus Besar, Lim Kian Joo; dan



AMIC diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya Shamsul Kamar Abu Samah serta Timbalan Ketua Pegawai Teknologi, Dr Liew Kan Ern.

Pengurus Projek Bioresin, Dr. Mohamed Thariq Hameed Sultan berkata

hasil penyelidikan itu akan memberi manfaat kepada industri penerbangan dari luar dan dalam negara untuk memperbaharui bahan dalaman pesawat dengan menggunakan bahan gentian asli kalis api.

“Projek ini memainkan

peranan yang amat penting dalam penyelidikan akademik di UPM dan keunikan projek ini adalah kita menggunakan unsur pertanian dalam membangunkan teknologi yang boleh dimanfaatkan di masa depan,” katanya.-UPM





Oleh Khairul Anuar Muhamad Noh  
Foto Marina Ismail

**BANGI, 16 Mei** - Universiti Putra Malaysia (UPM) melancarkan projek Bangi Green Putra 2015 untuk memupuk projek pertanian bandaran bersama penduduk Seksyen 7 Bandar Baru Bangi. Pendaftar UPM, Dato' Wan Azman Wan Omar berkata projek pertanian

bandaran itu menggunakan pelbagai teknologi UPM dalam kawasan yang terhad.

"Bangi Green Putra menyumbangkan ilmu dan kemahiran kepada komuniti bandar melalui kerjasama pelbagai agensi. Di UPM, pertanian bandaran telah dipraktikkan oleh Taman Pertanian Universiti dan hasilnya menjana pendapatan universiti.

## Bangi Green Putra pupuk Pertanian Bandaran bersama komuniti

"Kini, banyak institusi dan orang ramai telah mula bertani untuk pengeluaran produk segar seperti sayuran, buah-buahan, tanaman hiasan, ulaman dan herba," katanya semasa merasmikan projek itu di Surau D' Wakaf, Seksyen 7/3, Bandar Baru Bangi.

Beliau berkata pertanian bandaran memberi impak besar kepada budaya pertanian bandaran dalam masyarakat kerana ia meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran profesional berkaitan pertanian.

Katanya pelaksanaan melibatkan masyarakat bandar samada di kawasan sekeliling bandar, kawasan lapang dalam bandar, persekitaran rumah dan perumahan, hospital, sekolah, pejabat dan lain-lain.

Dato' Wan Azman berkata projek anjuran pejabat Pendaftar UPM di bawah Program Pementoran 2014/2015 itu hasil

kerjasama Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC), Institut Biosains, Taman Pertanian Universiti, Fakulti Pertanian, Pusat Sumber dan Pendidikan Kanser (CaRE), Jabatan Pertanian dan Persatuan Penduduk Seksyen 7/3.

"Program pementoran itu bagi membimbing pegawai pengurusan dan profesional lantikan baru untuk mengembangkan potensi diri hasil bantuan pegawai terlatih," katanya.

Projek komuniti Bangi Green Putra itu mendapat sambutan menggalakkan daripada 200 pengunjung iaitu penduduk Seksyen 7/3, guru RJ Muslim Kids Centre dan staf UPM.

Antara aktiviti sampingan ialah demonstrasi pertanian bandaran oleh Jabatan Pertanian, jualan anak pokok dan baja, lot gerai Pusat Sumber dan Pendidikan Kanser dan demonstrasi dan jualan makanan.

Selain memberi ilmu, khidmat nasihat dan kemahiran profesional tentang pertanian bandaran kepada komuniti, UPM juga akan menganjurkan lawatan peserta ke kampusnya, projek bandaran Jabatan Pertanian, aktiviti berkebun, ceramah tanaman herba, sayur-sayuran, bunga-bunga dan bengkel landskap.

Projek Pertanian Bandaran iaitu pertanian di kawasan bandar bertujuan untuk pengeluaran produk segar seperti sayuran, buah-buahan, tanaman hiasan, ulaman dan herba untuk menjimatkan belanjawan isi rumah.

Pelaksanaannya melibatkan masyarakat bandar di kawasan sekeliling bandar, kawasan lapang dalam bandar, persekitaran rumah dan perumahan, hospital, sekolah, pejabat dan lain-lain.

Turut hadir pada majlis itu ialah Ketua Program Bangi Green Putra, Dr. Nor Asma Ab. Razak.

## Hari tanpa kenderaan bermotor sokong kampus hijau



Oleh Noor Eszereen Juferi  
Foto Mohammad Izrul Abdul Jabar

**SERDANG, 4 April** - Universiti Putra Malaysia (UPM) melancarkan Hari Tanpa Bermotor UPM yang telah mula dilaksanakan pada bulan April dalam menyokong agenda Kampus Hijau di dalam kampus.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UPM, Prof. Dato' Dr. Muhammad Shatar Sabran berkata fasa pertama akan difokuskan di sekitar kolej kediaman lembah iaitu Kolej Kedua; Kolej Tun Dr. Ismail; Kolej Canselor; Kolej Kelima; Kolej Keenam; Kolej Sultan Alaeddin Suleiman Shah; Kolej Tun Perak dan Kolej Pendeta Za'ba.

"Antara usaha yang telah

dilakukan dalam menggalakkan pelajar mengaplikasikan kampus hijau iaitu dengan memperkenalkan laluan berbasikal, laluan pejalan kaki berbumbung serta penggunaan bas dalam kampus menggunakan gas," katanya.

Tambah beliau, Hari Tanpa Bermotor UPM akan mula dilaksanakan pada setiap hari Sabtu mulai jam 7 pagi hingga 10 pagi dan kerjasama dari semua pihak diharapkan bagi menjayakan perkara tersebut.

"Kita serius dalam melaksanakan perkara ini serta untuk menjayakan pelaksanaan tersebut ianya memerlukan satu perubahan pemikiran paradigma di kalangan pengguna jalan raya dalam kampus dalam melakukan satu perubahan.

"Saya akui pada awalnya akan terdapatnya tentangan tetapi kita tidak boleh patah semangat dalam memberi kesedaran kepada pelajar dan juga warga UPM mengenai kepentingan green agenda untuk dilaksanakan di dalam UPM," katanya di sini.

Sementara itu, Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dengan kerjasama UPM menganjurkan Program Kayuhan Hidup Sihat Basikal untuk kali ketiga di sekitar kawasan UPM.

Yang Dipertua MPSJ, Dato' Nor Hisham Ahmad Dahlan berkata program itu bertujuan membudayakan penggunaan basikal untuk beriadah.

"Program ini bertujuan untuk menerapkan gaya hidup sihat masyarakat serta meningkatkan hubungan antara komuniti Serdang bersama UPM dan MPSJ dan memupuk minat terhadap budaya hidup sihat melalui aktiviti berbasikal," katanya.

Penyertaan kali ini telah menarik hampir 500 peserta daripada orang awam, staf dan pelajar UPM dan keluarga. Terdapat dua kategori kayuhan iaitu Fun Ride 25km (basikal jenis Mountain/15 tahun ke atas) dan Family Ride 10km (semua jenis basikal/ibu bapa dan anak 7 tahun ke atas) dan penyertaan adalah percuma dan terbuka kepada orang awam. - UPM



## Program Green Voice pupuk amalan hijau, kitar semula

Oleh: Dr Roziah Mohd Rasdi

**SERDANG, 2 Jun** - Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan, Fakulti Pengajian Pendidikan (FPP), Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menganjurkan program Green Voice 2015 sebagai inisiatif memupuk amalan hijau dan kitar semula di kalangan pelajar, baru-baru ini.

Ketua program, Dr. Roziah Mohd Rasdi berkata projek itu adalah dengan kerjasama 60 pelajar dari Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan, FPP yang berlangsung selama tiga minggu untuk menjayakan konsep "Go Green" yang diwujudkan oleh universiti.

"Program ini melibatkan mahasiswa di kolej kediaman lembah seperti Kolej Kedua, Kolej Canselor, Kolej Keenam, Kolej Tun Dr Ismail, Kolej Kelima, Kolej Tun Perak dan Kolej

Pendeta Za'ba.

"Antara aktiviti utama yang dijalankan sepanjang tempoh tiga minggu itu ialah Campus Hour, pertandingan mengumpul barangan kitar semula dan Explorace yang bertemakan konsep amalan hijau," katanya.

Beliau berkata program seumpama itu perlu diteruskan pada masa depan serta ditambah baik dengan aktiviti yang lebih informatif bagi meningkatkan tahap kesedaran dan amalan hijau di kalangan warga kampus, yang masih berada di tahap yang rendah.

"Ini dapat memberi kesedaran di kalangan pelajar kolej kediaman dalam membudayakan kitar semula serta memberi peluang kepada pelajar kolej kediaman lembah melibatkan diri secara aktif dalam program seperti itu," katanya.

## Pengecualian yuran permohonan UPM Postgraduate Open Day & Exhibition

Oleh Khairul Anuar Md. Noh  
Foto Mohd Hasrul Hamdan

**SERDANG** - Universiti Putra Malaysia (UPM) menawarkan pengecualian yuran permohonan kepada pengunjung yang mendaftar untuk melanjutkan pengajian program siswazah sepanjang dua hari program UPM Postgraduate Open Day & Exhibition pada 9-10 Mei, 2015 di kampus itu.

Program itu membuka peluang kepada pelajar dan orang awam untuk melanjutkan pengajian pascasiswazah (Master dan Ph.D) dalam 256 program meliputi bidang pertanian, bioteknologi, perubatan, sains kesihatan, kejuruteraan dan lain-lain.

Pendaftaran pengajian siswazah itu

khususnya bagi kemasukan semester pertama 2015/2016 yang akan bermula pada bulan September, 2015 di mana tarikh tutup permohonan iaitu 31 Julai, 2015 (pelajar tempatan) dan 30 Jun (pelajar antarabangsa).

Kakitangan awam dan swasta juga boleh manfaat mendapat maklumat bukan sahaja berkenaan program siswazah di UPM tetapi peluang biasiswa dan bantuan kewangan pada program selama dua hari dari jam 9.00 pagi - 4.30 petang di Dewan Besar, Pusat Kebudayaan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini.

Pelbagai aktiviti menarik akan diadakan iaitu pameran dan perundingan secara bersemuka dengan wakil dan pakar dari 16 buah

fakulti dan 9 institut penyelidikan UPM, taklimat program pengajian dari fakulti, taklimat program kerjasama antarabangsa UPM dengan universiti luar negara, cabutan bertuah dan persembahan kebudayaan dari pelajar antarabangsa di UPM.

Sebanyak 30 pempamer yang terlibat terdiri daripada semua fakulti dan institut di UPM, Putra Business School UPM, UPM Education & Training dan beberapa agensi luar seperti Kementerian Pendidikan Malaysia dan ELS Language Centres.

Antara pengisian utama program itu termasuk sesi taklimat penawaran program pengajian, biasiswa dan kepakaran, sesi cabutan bertuah dan taklimat kepakaran dan perkongsian



ilmu oleh pakar-pakar penyelidikan UPM dalam bidang pertanian, kejuruteraan, sains sosial, teknologi maklumat dan ekonomi.

Maklumat lanjut boleh diperolehi

melalui laman web [www.sgs.upm.edu.my](http://www.sgs.upm.edu.my) atau hubungi Rahmawati Umar, Sekolah Pengajian Siswazah UPM melalui talian 03-89464228/4223/4218/rahwati@upm.edu.my.



## Saritha bawa Malaysia emas memamah Piala Dunia wanita berpasukan



Oleh Khairul Anuar Muhamad Noh

SHANGHAI, 9 Mei - Pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM), Saritha Cham Nong melakar sejarah apabila muncul bersama dua rakan sepasukan atlet memamah wanita negara dengan menjuarai acara compound Peringkat Pertama Piala Dunia 2015 di Shanghai, China.

Trio negara beliau bersama Fatin Nurfatehah Mat Salleh dan Nor Rizah Ishak berjaya menewaskan pasukan nombor satu dunia, Amerika Syarikat yang diwakili oleh Crystal Gauvin, Angela Bradley dan Lexi Keller 220-219 mata dalam saingan perlawanan akhir yang mendebarakan.

Saritha, 27, pelajar tahun 3, Bachelo Pembangunan Manusia, Fakulti Ekologi Manusia amat menghargai usaha Pusat Sukan UPM yang memberinya banyak pendedahan beraksi dalam kejohanan memamah dan padang latihan.

"Sudah tentu hadiah ini untuk negara dan UPM," kata anak kelahiran Pengkalan Hulu, Perak yang berketurunan Siam ketika dihubungi akhbar Tribun Putra.

Skuad negara yang layak ke pusingan

penyingkiran selepas muncul pasukan keempat terbaik pada pusingan kelayakan, menewaskan musuh ketat mereka pada Sukan SEA iaitu Vietnam 220-212 dan pemenang pingat gangsa Sukan Asia 2014 di Incheon, iaitu India 220-216 pada dua halangan pertama untuk menempah tempat ke separuh akhir menentang juara bertahan Eropah, Rusia.

Ia adalah pingat emas pertama dituai oleh pasukan negara dalam sukan memamah di pentas terbesar ini. Terdahulu, Malaysia pernah memenangi lima perak dan dua gangsa di Piala Dunia dan semua hadir daripada sumbangan acara recurve lelaki.

Kemenangan itu dianggap cukup bernilai selepas kali terakhir pasukan compound negara beraksi dalam Piala Dunia ialah pada 2010. Terdahulu dalam separuh akhir, gandingan Saritha-Fatehah-Norizah menewaskan Russia yang diketuai pemain nombor tiga dunia, Natalia Andreeva, 219-215 manakala gandingan trio AS menewaskan Colombia 224-222.

Skuad Rusia meraih pingat gangsa selepas menewaskan juara bertahan dunia Colombia 233-22 mata.



## UPM Angels juara Ragbi 7's Jemputan MASUM

Oleh Noor Eszereen Juferi  
Foto Noor Azreen Awang

SERDANG, 19 April - Pasukan UPM A, (UPM Angels) menjuarai sukan Ragbi 7's Jemputan MASUM 2015 yang disertai 32 pasukan yang daripada universiti awam, institusi pengajian tinggi swasta (IPTS), Politeknik dan Kolej Komuniti seluruh negara.

Dengan kemenangan itu, pasukan UPM A membawa pulang piala iringan, wang tunai RM1,500 dan pingat. Hadiah disampaikan Ketua Penolong Setiausaha, Seksyen Penyelaras Bahagian Sukan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Tony Azman Hassan.

Pasukan UPM B pula, muncul naib juara dan menerima piala iringan dan wang tunai RM1,000.

Ketua pasukan UPM A, Zulkiflee Azmi berkata pasukan itu turut menjuarai pertandingan itu pada tahun lalu yang diadakan di Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

"Perancangan seterusnya kami akan fokus untuk perlawanan di

Jakarta pada bulan Mei ini dan MASUM 15's yang akan diadakan pada Julai ini. Kami juga akan mempertingkatkan latihan dari segi kecergasan dan pertahanan," katanya.

Beliau yakin sukan ragbi di Malaysia boleh pergi jauh dan berharap akan dikembangkan di peringkat sekolah untuk pencarian bakat baharu dalam sukan itu.

"Saya percaya sukan ragbi akan menjadi antara sukan popular di negara ini dan dapat direalisasikan dengan adanya pendedahan untuk mempelajari sukan ini," katanya.

Pasukan UPM A dilatih oleh Khairizal Ali Amat dan Shah Iran Sahar. Para pemain terdiri daripada Nazuridin Abd Latiff; Mohamad Syarif Saiful Azwan; Wan Izzuddin, Mohamad Aliff Al-Hafiz; Nik Mohd Shahiddan Mohd Zain; Ahmad Syukor Iqbal Ab Raman; Muhammad Nazreen Fitri Nasrudin; Muhammad Shafiq Mohd Zaiki; Muhammad Ameer Nasrun Zulkefli; Mohd Nur Ikwan Nordin dan Aliff Sazrie Azmi. - UPM



## Hanif dan Ling Tokoh Siswa 2014

Oleh Noor Eszereen Juferi  
Foto Mohammad Izrul Abdul Jabar

NIBONG TEBAL, 18 April - Pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM), Muhammad Hanif Ramlan dan Ling Tian Wong menerima Anugerah Tokoh Siswa 2014 pada majlis yang berlangsung di Dewan Utama Kampus Kejuruteraan, Universiti Sains Malaysia (USM) baru-baru ini. Masing-masing membawa pulang wang tunai sebanyak RM1,000, trofi dan sijil.

Muhammad Hanif pelajar Bachelo Sains Perhutanan, Fakulti Perhutanan yang juga Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UPM memenangi kategori Anugerah

Pemimpin Kolej Kediaman Terbaik.

Manakala, Ling Tian Wong pelajar Bachelo Pendidikan (Pengajaran Bahasa Malaysia Sebagai Bahasa Pertama), Fakulti Pendidikan UPM memenangi kategori Anugerah Sukarelawan Pembangunan Belia Terbaik.

Majlis Anugerah Tokoh Siswa itu dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan bertujuan untuk memberi galakan kepada pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti akademik dan bukan akademik yang dapat memberi nilai tambah kepada kebolehpasaran serta memberi sumbangan kepada masyarakat. - UPM

## PAUPM sumbang RM1.06 juta kepada UPM

> Dari muka 8

amat menghargai keprihatinan UPM dengan pembayaran yuran keahlian konvokesyen sebanyak RM50 seorang sebagai yuran keahlian automatik selepas bergraduasi yang menjadikan sumber utama pendapatan PAUPM sejak tahun 2004.

Pada majlis itu PAUPM melancarkan laman web mereka yang baru iaitu www.alumniupm.my dan Mesyuarat Agung Tahunan PAUPM pada majlis yang sama melantik ahli jawatankuasa baharu sesi 2015-2017 dengan menyaksikan pelantikan presiden baharu iaitu Dato' Seri Diraja Syed Razlan Syed Putra Jamalullail.

Penubuhan Yayasan Pak Rashid pada tahun 2000 merupakan usaha gigih PAUPM yang diketuai presiden pada masa itu, Tan Sri Dato' Dr.

Mohd Noor Ismail bagi menghargai sumbangan besar bekas Pengarah Ladang Universiti Pertanian Malaysia iaitu Allahyarham Mohd Rashid Ahmad atau lebih dikenali Pak Rashid.

Bermula tahun 2006 hingga 2014, Persatuan Alumni telah menyumbang hampir RM400 ribu kepada yayasan ini dengan komitmen sumbangan sebanyak RM50 ribu setahun.

PAUPM turut menganugerahkan Anugerah Pingat Emas Alumni beserta wang tunai bermula 1978 sehingga kini kepada graduan cemerlang UPM semasa Konvokesyen sebagai tanda galakan kepada graduan cemerlang UPM.

Hubungi 03- 8946 7243/ 0122818770 untuk maklumat lanjut.

**TribunPutra**  
Wadah Gagasan Keprihatinan  
EDITORIAL TRIBUN PUTRA

### PENASIHAT

Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris  
Prof. Dr. Mansor Hj. Ahmad @ Ayob  
Fahmi Azar Mistar

### EDITOR

Khairul Anuar Muhamad Noh

### PENOLONG EDITOR

Syifarida Muhamad Zaki

### WARTAWAN

Azman Zakaria  
Noor Eszereen Juferi  
Syifarida Mohd Zaki  
Khairul Ziana Kinainah  
Norizahamalina Ramli (praktikal)

### PENULIS BERSEKUTU

Mohd Nazri Md. Yasin

### PEREKA

Zainuddin Idris

### PENTADBIRAN & ISO

Khairul Ziana Kinainah

### JURUFOTO

Marina Ismail  
Noor Azreen Awang  
Mohd Hasrul Hamdan

### PENYELENGGARA ONLINE

Mohd Mazlimin Omar

### PEMBANTU PENGEDARAN

Kamarol Abu Bakar  
Erwan Kasmungi  
Suhaime Yaakub

Tribun Putra diterbitkan oleh Pejabat Strategi Korporat & Komunikasi (CoSComm), Universiti Putra Malaysia. Tujuan penerbitan untuk menyampaikan maklumat melalui pelbagai berita, rencana, laporan semasa berkaitan pendidikan dan penyelidikan UPM. Surat dan kiriman artikel hendaklah di alamatkan kepada :

Editor

Tribun Putra

Pejabat Strategi Korporat & Komunikasi (CoSComm)  
Universiti Putra Malaysia  
43400 Serdang, Selangor





**Kebolehpasaran graduan UPM 82.2 peratus, tertinggi di kalangan IPT**

➤ 3

**Modul Pembangunan Pelajar Holistik bentuk sahsiah pelajar dilancarkan**

➤ 5



Bil. 80 / Jun 2015 PP10540/10/2012/ (031020) www.tribunputra.upm.edu.my

## Muzium Warisan UPM miliki lebih 30 koleksi keris untuk tatapan

Oleh Azman Zakaria  
Foto Marina Ismail

SERDANG, 10 Feb – “Malang jika generasi muda hari ini tidak mahu mengkaji untuk mengetahui besarnya signifikannya keris kepada pembentukan tamadun Melayu... dan apabila kita kenal keris, kita akan memahami dan mengetahui kebijaksanaan orang dahulu.”

Demikian kata Dekan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Madya Dr. Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad mengenai senjata orang Melayu ini yang digunakan sejak berzaman lagi yang juga lambang kebesaran raja serta kedaulatan orang Melayu.

Di Muzium Warisan UPM sahaja, terdapat lebih 30 keris serta pelbagai koleksi senjata lain yang digunakan masyarakat Melayu negara ini pada suatu ketika dahulu, yang dipamerkan untuk tatapan umum.

Antaranya Keris Tok Chu, Tajung, Coteng, Debek, Beko, Sepukal, Alang atau keris kuasa dan keris selit.

Beliau berkata minat dan kecintaan kepada senjata ini perlu disemai kembali di kalangan generasi muda, termasuk pelajar institusi pengajian tinggi agar ia tidak terkubur begitu sahaja dimamah usia, lebih-lebih lagi pada ketika pembuat keris atau 'empu' yang semakin kurang bilangannya hari ini.

Menurutnya, 'empu' iaitu mereka yang membuat keseluruhan keris, hanya terdapat beberapa orang sahaja sekarang ini di negara ini antaranya di Kelantan, Perlis, Perak, Melaka, Pahang dan Pulau Pinang.

Manakala mereka yang pakar membuat bilah sahaja dipanggil 'pandai besi', pakar membuat sarung keris dipanggil 'tukang sarung' dan yang pakar membuat hulu sahaja dipanggil 'tukang hulu'.

“Ada generasi muda yang

takut keris kerana mempercayai ada 'mahluk halus' bersama keris itu sedangkan hakikatnya tidak ada... tak munasabah kita

setiap satu pula berharga kira-kira RM1,000 selain ketiadaan pasaran tetap.

Dr. Abdul Mua'ti berkata keris



takut kepada keris,” katanya.

Malangnya beliau berkata, tidak ramai generasi muda yang mahu mendalami 'rahsia keris' dan cara ia dihasilkan.

Kecenderungan yang kurang di kalangan generasi muda untuk belajar membuat keris adalah kerana tempoh masa yang lama iaitu kira-kira satu bulan untuk menyiapkan sebilah keris, dan

sebenarnya menyimpan rahsia tersendiri kerana ia sebenarnya suatu identiti dan pengenalan diri buat pemakainya.

“Ia umpama kad pengenalan... daripada hulu, bilah, sampir serta sarungnya dan sehinggalah kepada cara ia diselitikan di pinggang, orang akan tahu dari mana pemilik itu datang dan pangkatnya,” katanya.

Keris pembesar, hulunya pada kebiasaannya diperbuat daripada gading gajah, tanduk kerbau, sumbu badak, geraham gajah dan gigi ikan paus.

Pendekar pula katanya, pada kebiasaannya membawa keris yang lurus atau lok tiga, yang lebih senang digunakan untuk bertarung.

Beliau berkata ada sampir keris yang dibentuk menyerupai bentuk perahu untuk menggambarkan masyarakat Melayu adalah pelaut.

“Mereka mengabadikan laut pada sampir,” katanya.

Beliau berkata, seni membuat keris begitu halus dan penuh dengan ketelitian kerana keseimbangan keris membolehkannya tegak berdiri, dan selesa atau sedap digunakan ketika bertarung kerana ada ketikanya pertarungan memakan masa sehingga berjam-jam.

“Orang dahulu bertikam di tempat sempit seperti di bawah rumah, di dalam perahu dan di dalam atau di bawah istana,”

Katanya, pada keris ada bisa dan juga ada penawar. “Umpamanya hulu keris yang diperbuat daripada kayu penawar hitam boleh menjadi penawar bisa dan menghentikan darah akibat tikaman keris.”

Menurutnya keris secara umumnya dibahagikan kepada tiga jenis iaitu keris selit yang dipakai di pinggang, keris tarung yang digunakan ketika pertarungan dan keris kuasa atau keris hukum.

Lazimnya bilangan lok keris adalah ganjil yang pada falsafahnya menggambarkan ia tidak sempurna, kerana yang sempurna hanyalah Tuhan. Justeru jarang terdapat keris dengan bilangan lok yang genap. “Biasanya lok keris yang genap bilangannya adalah bilah keris terakhir dibuat oleh empu untuk menggambarkan ia tidak mahu lagi membuat keris dan lazimnya akan ‘memasukkan’ segala kepandaian pada bilah keris terakhir itu,” katanya.



## Prof Jayum penyanggah Kursi Tun Abdul Razak, Ohio University

Oleh Azman Zakaria  
Foto Marina Ismail

SERDANG, 8 April (UPM) - Timbalan Dekan (Siswazah), Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr Jayum Anak Jawan dilantik sebagai penyanggah Kursi Tun Abdul Razak ke-15, Ohio University, Amerika Syarikat bagi tempoh dua tahun mulai 1 Julai depan.

Pelantikan itu dimaklumkan melalui surat Kementerian Pendidikan, baru-baru ini.

Prof Dr Jayum, 56, yang juga Timbalan Ketua, Kluster Politik Keselamatan dan Hal Ehwal Antarabangsa, Majlis Profesor Negara mula berkhidmat sebagai pensyarah di Fakulti Pendidikan UPM pada 1982.

Beliau yang berasal dari Sib, Sarawak pernah diundang sebagai Profesor Pelawat sebanyak dua kali di Hull University pada 2004 serta 2005, dan bekerjasama dengan Profesor Victor King mengkaji pilihan raya negeri Sarawak 2001 dengan menghasilkan buku Ethnicity and Electoral Politics in Sarawak East Malaysia.

Beliau juga pernah diundang sebagai Profesor Pelawat di Leeds

University pada 2011.


Prof Dr Jayum menghargai pelantikannya sebagai penyanggah Kursi Tun Abdul Razak itu dengan menyifatkannya sebagai satu daripada penghormatan tertinggi untuk pegawai akademik.

“Saya akan bekerja kuat sebab saya membawa nama UPM dan Malaysia... saya perlu melakukan yang terbaik,” katanya.

Sebagai penyanggah kursi, katanya, beliau akan mengajar sains politik dan sejarah pentadbiran kerajaan Malaysia kepada pelajar Amerika Syarikat di Ohio University serta peranan Malaysia dalam politik serantau dan antarabangsa.

Katanya, beliau juga akan menjalankan penyelidikan mengenai status hubungan Malaysia dengan Amerika Syarikat serta perkembangan hubungan itu, dan mencari ruang bagi terus meningkatkan lagi hubungan dua hala kedua-dua negara.

Pada tahun kedua pula, katanya, beliau diminta merancang mengadakan seminar antarabangsa mengenai masyarakat, budaya, dan politik Malaysia. - UPM



## FESTMA Kolej Kelima galak mahasiswa aktif dalam kebudayaan Islam

Oleh Khairul Ziana Kinainah  
Foto Noor Azreen Awang

SERDANG, 8 Mac - Kolej Kelima Universiti Putra Malaysia (UPM) menganjurkan Pertandingan Festival Marhaban Harmoni V Terbuka UPM iMalaysia 2015 (FESTMA-V) peringkat IPTA/IPTS di Panggung Percubaan untuk mempamerkan tradisi marhaban kepada pelajar, komuniti luar dan pelbagai bangsa.

Pengetua Kolej Kelima, Dr. Amini Amir Abdullah berkata festival itu bertujuan menggalakkan penglibatan mahasiswa dalam aktiviti keIslaman yang di ketengahkan dalam bentuk kebudayaan Islam.

“Festival Marhaban ini adalah sebagai pendekatan efektif untuk memperkenalkan dan menyemarakkan amalan marhaban dalam kalangan masyarakat di Malaysia, selain menjadi platform terbaik bagi

menampilkan mahasiswa berbakat dan kreatif.

“Pada masa yang sama Festival Marhaban ini dapat membentuk interaktif sosial yang positif dan proaktif di antara para peserta di kalangan IPTA/IPTS untuk membentuk jati diri belia yang progresif,” katanya selepas program yang dilancarkan oleh Timbalan Naib Canselor (HEPA), Prof. Dato’ Dr. Mohammad Shatar Sabran.

Festival Marhaban itu menampilkan 5 IPTA ke pusingan akhir iaitu UPM, UNISZA, USIM, UIAM dan UTP.

USIM menjuarai pertandingan ini, UTP tempat kedua dan tempat ketiga UIAM. Ia diadili oleh juri-juri profesional yang diketuai oleh Ustaz Wan Mohd Noh dari Sekolah Menengah Agama Tinggi Kajang.

“Perkara ini telah diterima baik oleh komuniti luar dan penganjuran ini mendapat pujian daripada pihak juri.



## PAUPM sumbang RM 1.06 juta kepada UPM

Oleh Fatheen Nabila Ghazali  
Foto Marina Ismail

SERDANG - Persatuan Alumni UPM (PAUPM) menyerahkan cek bernilai RM 1.06 juta kepada Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk meneruskan legasi menyumbang semula kepada universiti itu.

Presiden Persatuan Alumni UPM (PAUPM), Anas Ahmad Nasarudin berkata, sumbangan itu menunjukkan PAUPM sentiasa menyokong aktiviti-aktiviti universiti terutama melibatkan endowment universiti.

“Sumbangan PAUPM kepada UPM ini adalah tradisi sejak awal penubuhannya pada tahun 1971 hingga kini meliputi sumbangan untuk Dana Wakaf Ilmu, Yayasan Pak Rashid, pencetakan Majalah Serdang Sun, Menara Jam Warisan Budi Putra dan Pingat Emas Alumni.

“Kali terakhir sumbangan PAUPM kepada UPM adalah menerusi sumbangan Dana Wakaf Ilmu dalam Majlis

Makan Malam Homecoming Homecoming VII -Sirih Pulang ke Gagang bersama Tuanku Canselor UPM pada tahun 2012,” katanya yang berharap PAUPM berusaha mencapai misinya diiktiraf sebagai Persatuan Alumni terbaik di Malaysia.

Beliau menyerahkan cek itu kepada Naib Canselor UPM, Prof. Dato’ Dr. Mohd Fauzi Ramlan dan disaksikan mantan Presiden PAUPM, Tan Sri Dato’ Dr. Mohd Noor Ismail selepas Syarahan Perdana Naib Canselor UPM bertajuk UPM-PAUPM: ‘Peranan, Sasaran dan Cabaran’ sempena Mesyuarat Agung Tahunan persatuan itu baru-baru ini.

Turut hadir dalam sesi penyerahan cek itu ialah Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPM, Prof. Dato’ Dr. Mohammad Shatar Sabran dan mantan Setiausaha Agung PAUPM, Dr. Sharifuddin Abd. Hamid.

Anas juga berkata PAUPM

➤ Lihat muka 7